

01 FEB 2001

Mahathir-Asiaweek

DR MAHATHIR BIDAS ASIAWEEK KERANA CUBA BURUKKAN BELIAU

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas majalah Asiaweek kerana sengaja menyiarkan gambar beliau dalam keluarannya pada 26 Jan lepas yang seolah-olah cuba menunjukkan beliau sebagai seorang yang bodoh dan letih.

"Menyiarkan gambar yang menjadikan kita kelihatan seperti bodoh, itu satu perbuatan disengajakan," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri satu acara bagi memngisytiharkanb Putrajaya sebagai sebuah Wilayah Persekutuan di Dataran Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata beliau terpengaruh dengan senyuman dan kemesraan tiga wartawan majalah itu yang berjaya memujuk beliau keluar daripada pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri untuk merakamkan hampir 200 gambarnya.

Temubual itu dikendalikan oleh editor Asiaweek Dorinda Elliot, pengarang urusan Salman Wayne Morrison dan wakilnya di sini Arjuna Ranawana.

"Mereka mengambil hampir 200 gambar tetapi memilih foto yang 'amat sesuai sekali'," kata Dr Mahathir.

Beliau diminta mengulas mengenai gambar yang tersiar dengan kata-kata "Benarkah Perdana Menteri ini ditinggalkan oleh sebuah Malaysia baru yang beliau majukan", yang mengiringi rencana bertajuk "Mahathir's Dilemma".

Gambar itu, yang diambil oleh Munshi Ahmed bagi majalah yang berpajabat di Hong Kong itu, menunjukkan Dr Mahathir yang berpakaian bush jaket, sebagai seorang yang "tersepuk di kerusi dan kelihatan letih serta lesu akibat kritikan terhadap pemerintahannya" -- iaitu ungkapan yang digunakan dalam rencana itu.

Dr Mahathir berkata memanglah jika seseorang itu bekerja hampir 24 jam sehari tanpa banyak masa untuk rehat, dia akan menjadi letih.

"Siapa saja akan kelihatan letih. Saya kerja hampir 24 jam sehari dan saya tidak banyak rehat. Saya tidak dapat bekerja di pejabat kerana terlalu ramai datang untuk jumpa saya. Saya pulang ke rumah dan duduk untuk menulis segala surat, ucapan dan bahan-bahan lain," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya tentang jawapannya yang berbunyi "saya tidak kisah" kepada soalan oleh Asiaweek tentang bagaimana beliau akan dikenang.

"Yang penting bagi saya ialah apa yang telah saya lakukan. Jika orang mengiktirafnya, tak apalah, tetapi jika mereka tidak mengiktirafnya, tak apa juga. Saya tak akan hidup lama. Apa saja yang mereka kata terhadap saya, saya sudah tiada.

"Saya akan berlegar-legar di atas sana sambil melihat di bawah," katanya.

-- BERNAMA

MHI ES MAI